

# KEPEKAAN TERHADAP HAK-HAK KEBEBASAN ASASI DI MALAYSIA: REALITI SEMASA DAN ANTARABANGSA

*Rusniah Ahmad  
Haji Hairuddin Megat Latif*

## ABSTRAK

*Hak-hak asasi manusia ataupun lebih tepat kebebasan asasi seperti mana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan mengikut Perkara 5-13 merupakan salah satu daripada ciri utama yang membezakan antara kerajaan autokratik dan juga kerajaan demokrasi konvensional. Hak tersebut kini telah menjadi suatu ukuran yang penting untuk menjamin dan menjaga hak rakyat serta kejayaan sesebuah negara itu dalam menjaga hak tersebut. Oleh itu, hak asasi manusia kini sudah mencapai peringkat sejagat di mana telah menjadi hak yang dituntut oleh golongan yang merasakan hak mereka dinafikan. Ini adalah kerana tahap kepekaan yang semakin meningkat terhadap hak masing-masing hasil daripada tahap pelajaran yang semakin berkualiti dan kesedaran yang makin diakui oleh pihak yang mempunyai autoriti. Walaupun terdapatnya undang-undang yang secara jelas membenarkan pelanggaran berlaku terhadap hak-hak asasi manusia masih terdapat ruang lagi untuk memastikan agar hak ini dihormati oleh pihak yang berwajib. Mahkamah masih berupaya untuk memainkan peranannya untuk memeriksa ataupun menyemak undang-undang yang melanggar hak kebebasan asasi secara mendalam. Sekiranya pelanggaran melampaui batas-batas yang dibenarkan oleh undang-undang dan perlembagaan, maka menjadi tugas mahkamah untuk mengisytiharkan undang-undang tersebut sebagai tidak sah kerana melanggar hak kebebasan asasi. Namun, ini adalah lebih mudah diucapkan daripada diimplimentasikan kerana hakim juga dibatasi dengan faktor tertentu yang kadangkala bukan berada dalam kawalan mereka. Oleh yang demikian, kepekaan terhadap hak masing-masing ialah aset yang amat berharga kepada rakyat. Kesedaran yang tinggi hanya boleh dicapai sekiranya pengetahuan ini disebarkan secara meluas. Artikel ini membincangkan isu tersebut dengan menyingkap sejarah undang-undang berkaitan dengan hak asasi di Malaysia dan kedudukannya kini mengikut undang-undang di Malaysia.*

## PENGENALAN

Perkara 5-13 dalam Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan berkenaan hak asasi manusia yang menjadi salah satu ciri utama dalam membezakan antara kerajaan autokratik dan juga kerajaan demokrasi konvensional. Hak tersebut kini telah menjadi suatu ukuran yang menentukan sama ada sesuatu sistem kerajaan itu berfungsi mengikut undang-undang ataupun tidak. Malah pencabulan hak-hak asasi bukan sahaja menjadi berita utama media tempatan dan antarabangsa bahkan menjadi penyebab kepada campur tangan komuniti antarabangsa ke dalam pemerintahan sesuatu sistem kerajaan itu. Sebagai sebuah negara yang merdeka, negara kita telah melalui pelbagai cabaran yang sama seperti mana negara lain yang terpaksa berkorban dan bertolak ansur demi mencapai keamanan dan hak pemerintahan sendiri. Justeru, perlembagaan negara juga tidak ketinggalan dari segi kandungan peruntukan yang membayangkan kemerdekaan yang dikecapi. Ini telah tertera dengan jelas tanpa sebarang keraguan lagi.

Hak ini juga telah diperoleh dengan tanggapan bahawa ianya akan dihormati oleh setiap golongan termasuk kerajaan. Namun, setakat memperoleh hak dan mencatatkannya dalam perlembagaan bukanlah merupakan suatu jaminan bahawa hak tersebut akan dipatuhi dan dihormati oleh semua pihak. Malah, di peringkat antarabangsa juga khasnya daripada demokrasi liberal barat, hak kebebasan asasi sering dikorbankan diiringi dengan keupayaan untuk menutup mata kepada pencabulan hak asasi yang terjadi di kalangan sekutu mereka sendiri dan juga yang berlaku di tanah tumpah mereka sendiri. Oleh itu, kepekaan terhadap hak asasi seseorang itu merupakan suatu faktor yang penting untuk memberi makna yang lebih kukuh kepada hak yang telah sekian lama dinikmati. Sememangnya kepekaan yang dimaksudkan sekurang-kurangnya terhadap prinsip utama hak kebebasan asasi.

## PENGARUH SEJARAH

Penubuhan Suruhanjaya Reid pada tahun 1957 merupakan salah satu daripada titik tolak kepada pencapaian kemerdekaan di Malaysia. Selain daripada diberikan mandat untuk menderaf suatu perlembagaan untuk Malaya ketika itu, Suruhanjaya tersebut juga diberikan amanat untuk meninjau pendapat ramai mengikut keadaan semasa dan antarabangsa

yang mendominasi suasana politik tempatan dan luaran. Dengan dipengerusikan oleh Lord Reid dan Laporan Suruhanjaya Reid sebenarnya ialah hasil daripada perundingan yang luas dan terikat dengan syarat rujukan yang terlebih dahulu telah dipersetujui di London.<sup>1</sup> Antara kandungan syarat rujukan yang perlu menjadi inti pati kepada laporan Suruhanjaya Reid ialah selain daripada menubuhkan sebuah kerajaan yang mempunyai kuasa pusat yang kukuh dengan sedikit autonomi diberikan kepada pihak negeri, jaminan padu perlu diberikan kepada hak istimewa orang Melayu tanpa mengabaikan hak dan kepentingan komuniti yang lain. Boleh dikatakan hanya syarat ini yang dapat dicari perkaitannya dengan hak asasi manusia. Namun, tidak pula syarat rujukan ini menyebut tentang hak kebebasan asasi ataupun kebebasan badan kehakiman sebagai pelindung hak tersebut.<sup>2</sup>

Pada tahun-tahun bersejarah itu Suruhanjaya Reid telah melawat ke seluruh Malaya untuk mendapat restu dan menerima memorandum terutamanya daripada Sultan dan juga Parti Perikatan. Akhirnya, Lapornya mencadangkan agar perlembagaan baru patut mengandungi peruntukan mengenai hak asasi manusia dengan beberapa batasan tertentu dalam keadaan darurat. Maka tidak mengejutkan apabila selepas mencapai kemerdekaan pihak yang memegang tampuk pemerintahan telah membataskan lagi hak asasi dengan meluluskan lebih banyak undang-undang yang berbentuk darurat dan keselamatan untuk menghadkan lagi hak tersebut. Agak menghairankan mengapa Suruhanjaya Reid tidak begitu mengambil berat tentang perkara ini kerana hanya dua daripada 194 muka surat laporannya memberikan fokus kepada hak asasi manusia.

Malahan ketika itu dunia antarabangsa sudah mengiktiraf hak ini dan ini terbukti pada 10hb. Disember 1948. Deklarasi Hak-Hak Asasi Manusia Sejagat (*Universal Declaration of Human Rights*) telah diisytiharkan. Setelah itu menyusul pula dua lagi dokumen yang sama pentingnya iaitu *International Convention for Economic, Security and Civil Rights* dan *International Convention for Civil and Political Rights* pada tahun 1966 mengandungi peruntukan yang menerangkan dengan lebih jelas lagi Deklarasi 1948. Ini merupakan perkembangan yang membawa perubahan yang ketara kepada undang-undang hak asasi antarabangsa yang mempunyai objektif utama iaitu untuk melindungi individu dan kumpulan yang memerlukan perlindungan daripada pencabulan hak asasi mereka yang biasanya dilakukan oleh pihak kerajaan.

Perlindungan lain yang terkandung dalam dokumen antarabangsa ini ialah peruntukan yang dikenakan terhadap negara ahli Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu mereka perlu mengenakan prosedur kawalan dan pemantauan serta laporan aduan yang perlu dipatuhi oleh semua negara. Faktor sejarah ini bukanlah sukar untuk difahami kerana kebanyakan undang-undang terpengaruh dengan elemen tempatan bergantung kepada lokasi dan zaman. Selagi zaman dan masa berubah maka kandungan undang-undang seperti hak asasi manusia juga akan mengalami perubahan. Kepercayaan orang awam ataupun rakyat adalah penting dan ini akan membentuk undang-undang yang kukuh kerana tidak dipersoalkan ataupun dipermainkan oleh mana-mana pihak. Sekiranya masa mendesak perubahan maka undang-undang perlu berubah mengikut desakan zaman dan juga desakan awam. Contohnya di Amerika Syarikat sendiri yang selalu menjadi ikutan kepada negara lain di dunia. Perlembagaan tersebut pada tahun 1896 telah mengesahkan pengasingan kaum dalam perkhidmatan awam kerajaannya dan kemudiannya pada tahun 1954 melarangnya sama sekali.<sup>3</sup> Ini menunjukkan perubahan masa telah mempengaruhi perubahan dari segi kesedaran dan akhirnya mendesak agar undang-undang tersebut dipinda. Jelas, bahawa kepekaan dan kesedaran yang berubah mengikut zaman mempunyai pengaruh yang besar terhadap kandungan sesuatu undang-undang itu.

## **AGENDA UNIVERSAL HAK ASASI MANUSIA/ KEBEBASAN ASASI**

Hak asasi manusia ialah suatu jaminan moral asas bahawa semua manusia di setiap negara di dunia dalam semua budaya berhak untuk memilikinya hanya kerana mereka manusia. Tidak ada sebarang keistimewaan ataupun kelayakan yang perlu untuk mendapat hak tersebut kerana ianya bersifat sejagat dan sentiasa wujud sebagai suatu piawai justifikasi tanpa mengira sama ada hak ini diiktiraf dan diimplimentasikan oleh sesebuah negara itu. Ia terpakai walaupun negara tertentu menolak pemakaiannya dengan alasan yang tertentu. Perkataan 'asas' membayangkan bahawa ianya perlu bagi setiap manusia kerana tanpanya manusia mungkin hilang statusnya. Signifikannya hak asasi kini dicerminkan oleh kedudukan yang dinikmatinya pada hari ini kerana hak asasi menjadi suatu doktrin moral yang dominan untuk menilai status moral sesuatu sistem kerajaan semasa yang sedang beroperasi.

Doktrin moral ini juga bertujuan untuk mengenal pasti keperluan yang penting untuk setiap manusia dapat menjalani kehidupan yang baik. Apabila hak asasi menjadi sebagai suatu doktrin moral, maka sesebuah negara yang gagal mengikuti piawaian hak asasi manusia dikatakan bertindak secara tidak bermoral. Ini adalah kerana hak asasi ialah sesuatu yang 'asas' yang perlu diikuti dan kegagalan bererti tiada pematuhan di pihak negara yang terbabit. Walau bagaimanapun, untuk mendapat pengiktirafan yang sepatutnya hak asasi juga perlu diberikan hak dan kesan dari segi undang-undang. Apabila pengiktirafan ini diberikan maka sebarang pencabulan akan mengakibatkan suatu kesalahan undang-undang telah berlaku. Sekiranya ini dapat dicapai maka status hak asasi manusia akan meningkat dan lebih ramai pihak menyedari bahawa pengetahuan mengenainya adalah penting untuk kesejahteraan diri dan juga negara.

Ironinya, kebanyakan negara di dunia telah memberikan kesan undang-undang kepada hak asasi, namun hak asasi masih lagi dicabuli dan tidak dihormati. Jumlah negara yang meratifikasikan dokumen antarabangsa berkaitan dengan hak asasi manusia juga tidak begitu membanggakan. Ini juga merupakan antara sebab mengapa banyak negara masih tidak menepati piawaian antarabangsa yang dikenakan kepada negara ahli. Oleh yang demikian, kepekaan yang diharapkan bukan sahaja diperlukan daripada orang awam ataupun rakyat tetapi juga daripada pemerintah sesebuah negara itu. Dengan membuat ratifikasi, pemerintah bukan sahaja memberikan jaminan kepada masyarakat antarabangsa tetapi juga kepada masyarakat di negaranya. Kemungkinan dunia Eropah boleh dijadikan contoh di mana kesemua negara ahli perlu patuh kepada Konvensyen Hak-Hak Asasi Manusia Eropah yang terpakai secara automatik kepada negara yang menjadi ahli Kesatuan Eropah. Malah, terdapat sebuah Mahkamah Keadilan Eropah yang boleh dirujuk oleh rakyat negara ahli sekiranya pemerintah negara tersebut mencabuli Konvensyen Hak-Hak Asasi Manusia Eropah. Sebenarnya masyarakat di mana jua sudah mencapai status kelayakan untuk mendapatkan penguatkuasaan terhadap hak-hak asasi mereka.

Dengan adanya sistem sebegini, kemungkinan untuk pelanggaran hak asasi di negara yang menjadi ahli adalah rendah dan yang mendapat manfaatnya ialah rakyat yang sememangnya memerlukan pembelaan. Di rantau Asia, perkara yang sama boleh berlaku. Sekiranya rantau

ini begitu prihatin mengenai kebebasan perdagangan dan menggalakkan perniagaan antarabangsa berlaku maka adalah tidak mustahil mereka bekerjasama untuk mengadakan suatu konvensyen yang mirip kepada Konvensyen Eropah berkaitan dengan perlindungan terhadap hak asasi manusia. Inilah yang dikatakan sebagai agenda sejagat hak asasi manusia iaitu mendapat pengiktirafan daripada pihak pemerintah sebagai piawaian moral dan undang-undang yang perlu dipatuhi dan dihormati. Namun, tanpa kepekaan ia akan tinggal sebagai agenda semata-mata dan menjadi impian yang akan terkubur.

## PERANAN BADAN KEHAKIMAN

Sebenarnya badan kehakiman berupaya memainkan peranan yang berkesan untuk melindungi hak asasi manusia daripada dicabuli atau dicerobohi oleh mana-mana pihak, melebihi organisasi dalam kerajaan yang lain. Ini adalah kerana mandat yang diberikan oleh perlembagaan sendiri dari segi bidang kuasa semakan kehakiman bagi membantu para hakim untuk memainkan peranan sebagai pelindung dan penegak keadilan. Walau bagaimanapun, ini banyak bergantung kepada hakim-hakim sendiri sama ada berkehendak untuk melaksanakan semakan kehakiman apabila mana-mana pihak termasuk pemerintah sendiri yang menjadi pihak yang mencerobohi hak-hak asasi manusia.

Pelbagai pihak telah melabel badan kehakiman di Malaysia sebagai positivis iaitu akan hanya mengiktiraf undang-undang bertulis yang diarahkan oleh seorang pemerintah tertinggi. Ini ialah akibat daripada pendekatannya yang lebih kepada pendekatan literal dan "*pedantic*" apabila mentafsirkan sesuatu mengikut undang-undang.<sup>4</sup> Mengikut fahaman positivisme undang-undang ialah ekspresi kehendak yang memberikan kuasa autoriti. Berdasarkan teori ini, undang-undang dan moral dipisahkan. Undang-undang yang biasa ialah statut iaitu produk badan perundangan dan hakim-hakim. Ini bermakna hanya undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen sahaja yang diberikan kesahihan dan para hakim akan hanya mematuhi undang-undang tersebut apabila mentafsirkan undang-undang bertulis tanpa perlu membawa nilai moral apabila membuat keputusan. Malahan golongan ini berpendapat bahawa keputusan boleh dicapai secara logik berdasarkan peraturan yang ditetapkan tanpa perlu merujuk kepada

elemen tambahan yang lain seperti matlamat sosial, tujuan atau polisi ataupun nilai moraliti. Kesahihan sesuatu undang-undang juga tidak boleh dipersoalkan walaupun undang-undang itu tidak bermoral ataupun kejam.

Ini bermakna bahawa hak asasi manusia perlu diberikan kesan dari segi undang-undang dan bukan sahaja dari segi nilai moral. Sekiranya perkara ini gagal dilaksanakan maka para hakim menafsirkan hak asasi manusia mengikut selera seorang positivis menyebabkan hak asasi tidak akan mendapat sebarang pengiktirafan. Namun demikian, para hakim juga perlu sedar tentang betapa pentingnya hak asasi kepada rakyat. Sekiranya rakyat mendapati badan kehakiman hanya berperanan sebagai pengesah undang-undang pemerintah, keyakinan rakyat terhadap kewibawaan badan kehakiman akan tergugat. Apabila ini berlaku, integriti badan kehakiman akan dipersoalkan dan kebebasannya semakin terhakis. Kebebasan kehakiman akan terserlah kepada sesuatu badan kehakiman itu dengan sendirinya tanpa dipaksa-paksa ataupun ditonjolkan melalui keputusannya yang bijak, munasabah dan beralasan. Oleh yang demikian, tidak sepatutnyalah sesuatu badan kehakiman itu mencapai sesuatu keputusan kes tertentu hanya sebagai sandiwara untuk menonjolkan yang ianya ialah sesuatu badan yang bebas dan berwibawa.

Namun keputusan seperti dalam kes *Kam Teck Soon lwn Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri*<sup>5</sup> tidak banyak membantu usaha ke arah perlindungan terhadap hak asasi di Malaysia. Perkara 5 berkenaan dengan perlindungan terhadap nyawa dan kebebasan diri menjadi persoalan dalam kes ini dan duluan yang telah diwarisi selama beberapa tahun selepas negara mencapai kemerdekaan adalah sama. Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan mengikut kes-kes seperti *Asa Singh lwn Menteri Besar Johor*<sup>6</sup> dan *Aminah lwn Superintendent of Prison, Pengkafan Chepa, Kelantan*<sup>7</sup>, bersetuju untuk menggunakan perkara 5 bagi apa sahaja bentuk penahanan yang dikuatkuasakan di negara ini. Namun Kam Teck Soon telah mengundurkan mahkamah ke belakang apabila mahkamah membuat keputusan bahawa peruntukan itu tidak akan terpakai untuk undang-undang yang diluluskan berdasarkan Perkara 149 dan 150 Perlembagaan Persekutuan. Kedua-dua peruntukan ini ialah peruntukan yang memberikan kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang yang boleh melanggar hak-hak asasi manusia berdasarkan kepada

alasan yang dibenarkan oleh perlembagaan dan juga oleh keadaan darurat. Contohnya penahanan tanpa bicara ialah hasil daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) yang diluluskan oleh Parlimen mengikut kuasa yang diberikan oleh Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Kesan keputusan kes Kam Teck Soon ini ialah tahanan ISA tidak akan mendapat manfaat remedi prerogatif seperti *habeas corpus* dan juga akses terhadap nasihat peguam pilihan.

Perlindungan terhadap hak asasi manusia memerlukan komitmen jangka panjang dan bukannya bermusim semata-mata. Contoh yang amat ketara ialah rekod keputusan Privy Council berkaitan dengan perlindungan terhadap hak asasi manusia yang dikatakan buruk akibat kerenah hakim Inggeris yang tidak konsisten dengan pendapat masing-masing tentang hak asasi manusia.<sup>8</sup> Kes seperti *The Zamora*<sup>9</sup> dan *Liversidge Iwn Anderson*<sup>10</sup> merupakan beberapa contoh, apabila prinsip undang-undang perlembagaan yang penting dibelakangkan atas alasan kesuntukan masa. Malah, hakim negara ini tidak berselindung tentang pendapat mereka berkenaan dengan gelagat badan kehakiman India yang dianggap mereka sebagai idealis. Ong Hock Thye, Hakim Besar Malaya dalam kes Karam Singh<sup>11</sup> berpendapat:-

*“English courts take a more realistic view of things while Indian judges for whom I have the highest respect, impress me as indefatigable idealists seeking valiantly to reconcile the irreconcilable whenever good conscience is pricked by an abuse of executive powers.”*

Mungkinkah sistem di negara ini akan mengalami suatu transisi dalam undang-undang perlembagaan seperti di negara-negara yang lain? Misalnya Afrika Selatan yang boleh dikatakan masih muda (setelah jatuhnya kerajaan Apartheid) dalam bidang ini. Satu kes yang agak kontroversial apabila kesahihan hukuman mati telah dicabar kerana tidak selaras dengan perlembagaan telah menjadi fokus komuniti undang-undang di peringkat nasional dan antarabangsa. Keputusan kehakiman dalam kes ini akan menyelesaikan isu yang telah diserahkan oleh ahli politik kepada para hakim. Keputusan tersebut telah mengharamkan hukuman mati berdasarkan alasan kekejaman dan hakim pada masa yang sama merujuk kepada Seksyen 7 dan Seksyen 33 *Transitional Constitution* berkaitan dengan kebebasan



asasi. Peruntukan tersebut tidak mengharamkan hukuman mati tetapi memberikan rakyat Afrika Selatan "hak terhadap nyawa" yang mana pelanggaran dibenarkan setakat mana yang munasabah dan patut dalam masyarakat yang terbuka dan demokratik. Penafsiran yang dibuat oleh hakim nampaknya memberikan kesan jangka panjang kepada polisi pemerintah. Sesungguhnya, keputusan ini begitu ketara perbezaannya dengan keputusan kes Che Ani Bin Itam<sup>12</sup> yang juga telah mempersoalkan keselarasan hukuman mati mandatori dengan perkara 5(1) iaitu hak terhadap nyawa.

Apakah kita akan mengikuti jejak langkah hakim di India yang telah sekian lama mencorak adjudikasi yang lebih luas dalam undang-undang perlembagaan khususnya dari segi perlindungan terhadap hak asasi manusia, ataupun badan kehakiman negara ini masih menoleh ke belakang dengan akur kepada duluan-duluan yang tidak "mesra-hak kebebasan asasi" (*human rights friendly*). Contohnya masih setia kepada kes-kes *Common Law* seperti *Wednesbury Corporation*<sup>13</sup> yang telah dibenarkan oleh mahkamah untuk menggunakan kuasa memberikan lesen operasi panggung wayang untuk melarang remaja daripada menonton pada setiap hari Ahad.

Kualiti pemerintahan mengalami perubahan dari masa ke masa. Apabila pemimpin berubah, polisi juga berubah begitu juga undang-undang. Amatlah penting bahawa kita perlu mempunyai pegangan dan sasaran. Apabila kualiti pemerintahan bertambah baik dan mencapai tahap yang memuaskan, maka keperluan untuk semakan kehakiman berkurangan iaitu pencerobohan terhadap hak asasi manusia akan berkurangan dan perlindungan terhadapnya akan bertambah baik. Hakim perlu mempunyai objektif yang sama iaitu cuba untuk melindungi hak yang penting ini sehinggalah tiba ke suatu masa apabila hak ini tidak memerlukan perlindungan lagi kerana kepekaan dan kesedaran telah mencapai peringkat yang tertinggi.

## ANCAMAN TERHADAP HAK ASASI MANUSIA

Perkara 149 dan perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai kuasa khas berkaitan dengan tindakan subversif dan perisytiharan darurat di Malaysia. Berdasarkan kepada Laporan Suruhanjaya Reid, sejarah dan kewujudan Darurat di Malaya

ketika itu menunjukkan terdapatnya percubaan terancang untuk menjatuhkan sebuah kerajaan berperlembagaan melalui keganasan atau kaedah yang menyalahi undang-undang. Kegiatan komunis dan tindakan subversif menular terutamanya pada tahun-tahun lewat 40-an. Masalah ini perlu diatasi dengan menggunakan kuasa khas dan juga kuasa Darurat. Polisi ini bertujuan agar ancaman ini tidak akan menjadi serius dan mengancam keselamatan negara. Suruhanjaya Reid mencadangkan kuasa Darurat diwujudkan dalam perlembagaan tertakluk kepada semakan yang akan dilakukan oleh Parlimen. Peruntukan untuk mencero bohi hak kebebasan asasi dan peruntukan berkaitan dengan pembahagian kuasa antara negeri dan persekutuan dibenarkan hanya apabila perlu dan untuk tempoh selama Darurat diisytiharkan. Kuasa tersebut juga perlulah diberikan secara terbatas dan dijelaskan agar pencerobohan terhadap hak asasi dapat diminimumkan.

Daripada penerangan tadi, jelas bahawa cadangan Suruhanjaya Reid untuk penggunaan kuasa-kuasa Darurat bukanlah diniatkan akan kekal sebagai suatu ciri berkerajaan. Namun, beberapa siri pindaan perlembagaan telah menjadikan Darurat sebagai sesuatu yang normal dan Parlimen pula diberikan autoriti yang cukup luas untuk meminda perlembagaan tanpa sebarang batasan dan had.<sup>14</sup>

Apabila persoalan batasan dan had ditimbulkan melibatkan hak asasi, adalah tidak wajar sesuatu kerajaan berperlembagaan diberikan kuasa ataupun memberikan kuasa kepada dirinya tanpa sebarang had ataupun sekatan. Dasar sesebuah kerajaan demokrasi berparlimen ialah berasaskan kepada teori "kerajaan terkawal". Oleh itu, secara rasionalnya, kawalan adalah perlu bagi setiap sistem kerajaan yang bertamadun. Sebenarnya kewujudan undang-undang berkaitan dengan perlindungan terhadap hak asasi adalah untuk melaksanakan teori "kerajaan terkawal" ini namun suasana politik telah mengubah tujuan tersebut dan hak asasi kini mempunyai pengecualian-pengecualian yang keterlaluan. Semua pihak sedia maklum bahawa hak asasi tidak boleh diberikan secara mutlak, namun apabila menentukan pengecualian terhadap nikmat ini yang membenarkan pencerobohan ke atas hak asasi mengikut undang-undang, pencerobohan tersebut mestilah munasabah ataupun tidak melampaui batas sehingga memusnahkan hasrat dan semangat asal tujuan perlindungan diberikan.





